

## **ELEMEN MAQASID SYARIAH DALAM PERUNDANGAN DI MELAKA**

**Suhaimi Abu Hasan**

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Melaka

**Mohd Azam Yahya**

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Melaka

**Ahmad Faqih Ibrahim**

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Melaka

*Corresponding Author's Email: suhaimi@unimel.edu.my*

### **Article history:**

*Received : 16 November 2022*

*Accepted : 23 December 2022*

*Published : 27 December 2022*

### **ABSTRAK**

Negeri Melaka merupakan negeri yang telah mengamalkan dasar perundangan Islam sejak zaman kesultanan Melayu Melaka lagi. Ini berbeza dengan amalan perundangan selepas zaman kemerdekaan yang dipengaruhi sistem perundangan British. Oleh itu, kajian ini memfokuskan perbincangan tentang elemen Maqasid Syariah untuk diimplementasikan di dalam perundangan Islam negeri Melaka. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan rekabentuk analisis kandungan yang merujuk kepada penulisan-penulisan ilmiah, artikel-artikel jurnal serta laman-laman web rasmi tertentu sebagai sumber bahan kajian yang dijalankan. Kajian ini menunjukkan bahawa Melaka merupakan sebahagian negeri di Malaysia yang mengamalkan corak pemerintahan dualisme iaitu undang-undang sivil dan Islam. Walaupun tidak sepenuhnya digunakan perkataan hudud, takzir atau qisas secara rasmi tetapi masih terdapat kedua-dua elemen yang berpaksikan Maqasid Syariah.

**Kata kunci:** Maqasid Syariah, Perundangan Islam

### ***ELEMENTS OF MAQASID SYARIAH IN MELAKA LEGISLATION***

### **ABSTRACT**

*The state of Melaka is a state that has practiced Islamic law since the time of the Malay Sultanate of Melaka. This is different from the post-independence legal practice which was influenced by the British legal system. Therefore, this study focuses on the discussion about the elements of Maqasid Syariah to be*

*implemented in the Islamic legislation of the state of Malacca. This study is a qualitative study using a content analysis design that refers to scientific writings, journal articles and certain official websites as sources of research material. This study shows that Malacca is one of the states in Malaysia that practices a dualistic governance pattern, which is civil and Islamic law. Even though the words hudud, takzir or qisas are not officially used, there are still both elements centered on Maqasid Syariah.*

**Keywords:** *Maqasid Sharia, Islamic Law*

## **PENDAHULUAN**

Dalam pengamalan undang-undang di negara ini, perundangan Malaysia tidak mengamalkan undang-undang Islam sepenuhnya. Pengamalan perundangan di negara ini berbentuk dualisme. Ini bermaksud Malaysia mempunyai dua sistem undang-undang yang berbeza dan dua Mahkamah yang berbeza iaitu Undang-undang Sivill dan juga Undang-undang Islam. Undang-undang Sivill mempunyai bidang kuasa yang luas dan umum dan boleh terpakai kepada orang Islam dan bukan Islam (Wu Min Aun, 1982).

Ini berbeza dengan Undang-undang Islam<sup>14</sup> yang bersifat tertentu, iaitu yang diaplikasikan di setiap negari-negeri yang telah ditentukan oleh peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Ini termasuk pentadbiran Hukum Syara' dan Undang-undang diri serta Undang-undang Keluarga Islam seperti perkara-perkara berhubungkait berkaitan wasiat, pertunangan, perkahwinan, penceraian, mas kahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, kesahtarafan, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat, wakaf dan sebagainya<sup>15</sup>.

Oleh itu, dapat dirumuskan Undang-undang Islam berperanan dari aspek input atau indikator yang difokuskan sama ada melihat dari aspek pemeliharaan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi negara, memperkasakan peranan institusi Raja-Raja sebagai Ketua Agama Islam, memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah, memelihara institusi perkahwinan dan kekeluargaan Islam dan juga menjamin harta dan urusanniaga menurut patuh syariah.

Walaupun secara umum pengamalan undang-undang sivil digunakan di negara ini adalah lebih berbanding undang-undang Islam, namun begitu terdapat juga unsur-unsur lima elemen Maqasid Syariah diterapkan di dalam perundangan mereka. Secara dasarnya Undang-undang Sivill telah digubal oleh kerajaan Persekutuan yang turut mengambil kira juga kemaslahatan masyarakat yang ada dalamnya. Sebagai contoh dalam bab jenayah mencuri di Malaysia tidak ada peruntukan seksyen yang membincangkan tentang hukuman kesalahan tersebut di dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah, sedangkan ianya merupakan salah satu kesalahan yang terdapat dalam hukuman hudud Islam yang termasuk dalam

---

<sup>14</sup> Contoh Rujukan : Enakmen Kesalahan Jenayah Islam Melaka (1991).

<sup>15</sup> Rujuk Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan, Senarai II, Senarai Negeri.

perkara kemaslahatan menjaga harta sesama manusia. Kes-kes yang berkaitan dengan jenayah mencuri ada dinyatakan di dalam seksyen undang-undang sivil.

Oleh hal demikian, pengkaji akan menyatakan mana-mana kesalahan yang berkaitan dengan ruang lingkup lima prinsip syariah ini walaupun dinyatakan dalam peruntukan undang-undang sivil dan tidak dinyatakan dalam peruntukan undang-undang Islam. Pengkaji akan menyatakan juga kesalahan jenayah Islam yang ada dalam Undang-undang Sivil yang dilaksanakan di peringkat Persekutuan dan undang-undang syariah khususnya di peringkat negeri Melaka.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan rekabentuk analisis kandungan yang merujuk kepada kajian-kajian ilmiah, artikel-artikel jurnal serta laman-laman web rasmi tertentu berkaitan elemen maqasid syariah dalam perundangan Islam di Melaka sebagai sumber kajian yang dijalankan.

## **KONSEP MAQASID SYARIAH DALAM ISLAM**

Menurut al-Kailany (2000) dalam kitabnya, para sarjana ilmuan hukum Islam klasik tidak memberikan definisi yang khusus berkaitan Maqasid Syariah secara terperinci walaupun istilah ini sering digunapakai dalam karya-karya penulisan mereka. Perkara ini bermungkinan disebabkan oleh Maqasid Syariah itu telah difahami dengan jelas oleh mereka (al-Baidawi, 2000). Selain itu juga, al-Raisuny berpandangan bahawa antara sebabnya Imam al-Syatibi tidak mendefinisikan istilah Maqasid Syariah secara terperinci adalah berkemungkinan beliau beranggapan perkara tersebut tidak perlu perincian hanya memadai sekadar membaca tulisannya melalui kitab *al-Muwafaqat* yang dikhususkan mengenai maqasid. Kitab karangan beliau itu sebagai satu bahan bacaan rujukan para pakar dalam ilmu-ilmu agama menguasainya (al-Raisuny, 2013).

Meskipun demikian, perbahasan berkaitan Maqasid Syariah ada dibincangkan walupun ianya secara umum, antara yang dianggap tokoh yang berautoriti membahaskan bidang ini ialah Imam al-Syatibi dan Imam al-Ghazali. Selain itu juga perbahasan maqasid syariah juga dibahaskan secara umum seperti Syekh al-Islam Ibn Taimiyyah, Imam al-Badawi dan Imam al-Amidi. Pengkaji juga ada menyatakan pandangan-pandangan ulama' Islam kontemporari antaranya Ilmuan Tahir Ibn Ashur, Ahmad al-Raisuny, Wahbah al-Zuhaily, Muhammad al-Yubi dan juga Muhammad 'Uqlah, al-Fasi, al-Qardawi dan juga Jasser Auda. Contohnya berikut adalah ungkapan Maqasid Syariah oleh Imam al-Syatibi (2001):

اذن ثَبَّتْ أَنَّ الشَّارِعَ قَدْ قَصَدَ بِالتَّشْرِيعِ إِقَامَةَ الْمَصَالِحِ الْآخِرِيَّةِ  
وَالدُّنْيَوِيَّةِ الشَّارِعِ قَاصِدٌ تَكُونُ مَصَالِحٌ عَلَى الْإِطْلَاقِ: فَلَا بَدَّ أَنْ يَكُونَ  
وَضَعُهَا عَلَى ذَلِكَ الْوَجْهَ أَبَدِيًّا وَكُلِّيًّا بِهَا أَنَّ وَعَامًا فِي جَمِيعِ أَنْوَاعِ التَّكْلِيفِ  
وَالْمُكَلَّفِينَ وَجَمِيعِ الْأَحْوَالِ

Terjemahannya : Oleh itu, jelaslah bahawa tujuan Allah Taala menetapkan syariat adalah untuk memberi kebaikan di dunia dan di akhirat. Allah Taala menjadikan maqasid sebagai mendatangkan kebaikan semata-mata. Maka sudah pasti kebaikan yang dijanjikan Allah Taala dalam syariatNya itu bersifat kekal dan umum, serta meliputi kesemua perintahNya, semua hambanya yang mukallaf dan pada setiap keadaan.

Secara asasnya, dalam membahaskan topik berkaitan Maqasid Syariah, perbincangan tertumpu membawa kepada kebaikan dan menjauhi daripada keburukan diperincikan. Menurut ‘Izu al-Din Abd Salam, pembinaan asas syariah tidak dibina melainkan membahaskan tentang *masalah* terhadap hambanya dan menolak kerosakkan. Menurut Abd karim Zaidan (2002) al-Syatibi menambah lagi dengan mengatakan sehingga sebahagian fuqaha’ berkata:

أَنَّ الشَّرِيعَةَ كُلَّهَا مَصَالِحٌ إِذَا دَرَزَ مَفَاسِدٍ أَوْ جَلَبَ مَصَالِحٍ

Terjemahannya: Sesungguhnya perbahasan syariah semuanya berkaitan dengan keutamaan kemaslahatan dan menolak kemudaratan atau membawa kemaslahatan.

Oleh hal demikian, kedua-dua inti pati Maqasid Syariah tersebut perlu dihuraikan dengan lebih terperinci dalam membina kerangkaan perbahasan Maqasid Syariah yang lebih baik. Menurut al-Raisuny (2013) kedua-dua itu dilihat sebagai garis prinsip perbincangan Maqasid Syaria itu sendiri.

Apabila para fuqaha’ membahaskan kedua-dua prinsip dengan pelbagai penjelasan antaranya menurut al-Ghazali (t.t) sendiri mengatakan perkara yang berkaitan dengan *masalah* bermaksud mendapat faedah (*manfa’ah*) atau ianya akan terlepas daripada kemudaratan. Konsep yang dinyatakan oleh beliau dengan mengatakan *masalah* itu bukan semata-mata untuk berobjektifkan mahluk sahaja malah sebenarnya ianya juga bermaksud untuk menjaga objektif syarak dalam membina hukum-hukum syariat secara menyeluruh. Dapat disimpulkan bahawa Maqasid Syariah bermatlamatkan yang dikehendaki oleh syarak di dalam pensyariaan hukum.

Ulama' telah membahagikan Maqasid Syariah berdasarkan keperluan manusia kepada tiga jenis yang utama samada Maqasid Daruriyyah, Maqasid Hajiyyat atau Maqasid Tasiniyyat (al-Syatibi). Sehubungan dengan itu, Maqasid Daruriyyat adalah Maqasid yang dihubungkan dengan perkara-perkara asas dalam kehidupan seharian mukallaf. Sekiranya berlaku kekurangan atau kerosakan elemen-elemen tersebut, maka rosaklah sistem kehidupan mereka di dunia malahan rugi mereka diakhirat. Konsep ini merangkumi kepada menjaga lima perkara asas dalam agama seperti menjaga agama, nyawa, memelihara akal fikiran, memelihara keturunan dan juga memelihara harta. Memelihara kelima-lima perkara asas tersebut dikira *masalah* yang penting manakala mengancamnya atau merosakkannya dikira sebagai *mafsadah*.

## **KONSEP PERUNDANGAN ISLAM SERTA INDIKATOR PERUNDANGAN ISLAM**

Undang-undang atau perundangan merupakan satu peraturan atau norma bagi sesebuah pemerintah atau sesebuah kerajaan bagi memastikan sesebuah institusi masyarakat itu diatur dengan baik. Kedatangan penjajah Inggeris membawa kesan positif yang mendalam terhadap situasi ekonomi, politik, prasarana dan banyak lagi. Selain itu juga kesan terhadap aspek perundangan di negara ini, dengan kehadiran penjajah Inggeris ke rantau ini dengan berjaya menguasai negeri-negeri Melayu membawa sistem perundangan ala Barat secara meluas.

Meskipun begitu Islam menjadi agama persekutuan, namun tidak diperuntukan ketua agama Islam bagi seluruh Persekutuan. Walaupun Yang diPertua Agong adalah ketua bagi Persekutuan, tetapi bagin masih kekal sebagai ketua agama negeri baginda, selain daripada menjadi ketua agama bagi negeri yang tidak beraja seperti Melaka contohnya. Kuasa mentadbir hal-hal yang berkaitan orang Islam pada dasarnya adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Raja atau Sultan negeri berkenaan. Dari segi teorinya, Raja atau Sultan bertindak mengikut bidang kuasanya masing-masing berkaitan urusan agama<sup>16</sup>, namun begitu hakikatnya Raja sendiri bertindak mengikut nasihat badan-badan tertentu<sup>17</sup>. Malahan kuasa perundangan yang berkaitan dengan hal ehwal perundangan Islam negeri-negeri merupakan bidangkuasa tanggungjawab Bidang perundangan Negeri seperti Mahkamah Syariah. Kuasa perundangan tersebut termasuklah mengadakan suatu bentuk undang-undang khusus berkaitan dengan hal-hal orang Islam sahaja. Sungguhpun demikian, perundangan yang ingin diadakan tersebut hendaklah tidak bertentangan dengan perundangan Persekutuan yang sedia ada<sup>18</sup>.

Perkara 74(2) Pelembagaan Persekutuan menyatakan bahawa dengan tidak menyentuh apa-apa kuasa yang diberikan kepada Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang oleh mana-mana Perkara lain, Badan Perundangan Negeri boleh membuat undang-undang mengenai mana-mana perkara yang disebut dalam Senarai Negeri iaitu Senarai Kedua yang termaktub

---

<sup>16</sup> Jadual 8, 1(2) Pelembagaan Persekutuan.

<sup>17</sup> Perkara 3(5), Pelembagaan Persekutuan.

<sup>18</sup> Perkara 75, pelembagaan.

dalam Jadual Kesembilan atau Senarai Bersama. Keseluruhannya, negeri mempunyai 12 bidangkuasa dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan salah satu daripadanya adalah menyentuh pentadbiran hal ehwal orang Islam. Dalam hal ini, perlembagaan Persekutuan menerusi Jadual Kesembilan Senarai 2 (1) memperuntukan:

*Kecuali mengenai Wilayah-Wilayah Persekutuan, Hukum Syarak dan Undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuklah Hukum Syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, penceraian, maskawin, nafkah, penagmbilan anak angkat, kesahatarafan, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat; wakaf Islam dan khairat agama, perlantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang Islam mengenai pemberian agama Islam dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat yang dijalankan semuanya sekali dalam negeri ; adat istiadat Melayu, zakat fitrah dan Baitul Mal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam; mengadakan dan menghukum kesalahan-kesalahanyang dilakukan oleh orang-orang yang menganut agama Islam, kecuali mengenai ayang menganut agama Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam perlembagaan persekutuan; keanggotaan, penyusunan dan acara bagi orang yang menganut agama Islam dan hanya mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh Undng-undang Persekutuan; mengawal pengembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut agama Islam; menentukan perkara-perkara hukum Syarak dan iktikad dan adat istiadat Melayu.*

Berdasarkan senarai dalam Jadual Kesembilan di atas, dapat dilihat bahawa bidangkuasa yang diberikan kepada negeri dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal orang Islam amatlah terhad. Selain itu, skop bidang perundangan jenayah Mahkamah Syariah pula hanya mempunyai bidangkuasa ke atas orang Islam sahaja dan mempunyai bidangkuasa menjatuhkan hukuman mengenai kesalahan-kesalahan sebagaimana yang diberikan oleh undang-undang Persekutuan. Ini bererti dalam beberpa kes jenayah syariah yang sepatutnya melibatkan hukuman hudud dan qisas seperti zina dan minum arak, Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidangkuasa untuk menjatuhkan seperti mana yang telah ditetapkan di dalam al-Quran dan al-Sunnah.

Sehubungan dengan itu, berlaku pindaan-pindaan yang menyekat bidangkuasa Mahkamah Syariah oleh perundangan Persekutuan, dengan akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 telah dipinda pada tahun 1984 dengan akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1984. Kesan daripada pindaan ini dapat dilihat dalam kes-kes jenayah telah dinaikkan. Selain itu,

Perkara 121 Perlembagaan (Pindaan) 1988 Akta A704 yang menyatakan peruntukan baru iaitu Fasal 1(1A) adalah seperti berikut:

*“Mahkamah-mahkamah yang disebut dalam Fasal (1) bertindak boleh mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah”*

Menurut Ahmad Ibrahim (1991), kesan terbesar yang diperolehi dari pindaan itu ialah mengelakkan percanggahan antara keputusan mahkamah Syariah dan Mahkamah Tinggi seperti yang terdapat di dalam beberapa kes terdahulu. Sebelum pindaan tersebut Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa memutus perkara-perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah seperti dalam kes-kes penjagaan anak, harta wakaf dan harta sepencarian. Oleh hal demikian, Mahkamah Syariah tidak lagi dipandang rendah dan berlaku pemulihan struktur bidang kuasa yang lebih baik daripada sebelum ini menjadikan Mahkamah Syariah telah bebas daripada campur tangan Mahkamah Sivil secara langsung atau tidak. Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa peranan, bidang kuasa atau dari segi input perundangan Islam memfokuskan kepada lima elemen utama (Zaleha Kamarudin, et.all, 2019):

- i. Pemeliharaan kedudukan Agama Islam sebagai agama rasmi.
- ii. Memperkasakan peranan yang dimainkan dalam bidang institusi Raja sebagai Ketua Agama Islam.
- iii. Memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah.
- iv. Memelihara institusi perkahwinan bagi masyarakat orang Islam.
- v. Memelihara harta dan urusaniaga samada dari segi agihan zakat, wakaf, baitul mal dan lain-lain.

## **ELEMEN MAQASID SYARIAH DENGAN BIDANG PERUNDANGAN DI MELAKA**

Elemen-elemen Maqasid Syariah di dalam perundangan Islam di peringkat negeri Melaka secara khususnya dan amnya di peringkat kerajaan Persekutuan. Analisis ini menunjukkan keberadaan elemen-elemen Maqasid Syariah dalam bidang perundangan. Berikut adalah undang-undang yang digunapakai di kedua-dua mahkamah berdasarkan lima elemen utama Maqasid Syariah.

### **i. Pelindungan Agama Islam**

Terdapat Undang-undang Sivil serta Undang-undang Islam di Malaysia melindungi dan memelihara kesucian Agama Islam.

#### **a. Perundangan Sivil**

Dalam perundangan Sivil, walaupun peruntukan dan seksyen hukuman ianya merupakan undang-undang ciptaan manusia bukanlah daripada Allah Taala, akan tetapi dari aspek melindungi Agama Islam secara tidak langsung ada dinyatakan.

Malaysia telah memperuntukan Agama persekutuan dan ajaran Agama Islam sebagai agama rasmi yang boleh diamalkan tanpa diganggu gugat. Selain itu juga dalam peruntukan Undang-undang persekutuan mengiktiraf penuh Yang Di Pertuan Agong sebagai ketua Agama Islam.

Peranan Perlembagaan Persekutuan Negara juga berperanan dalam melindungi kepentingan Agama Islam sebagai simbol Agama Rasmi negara. Perkara ini terdapat dalam Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukan bahawa Islam agama rasmi bagi Persekutuan walaupun agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.

Seterusnya, kedudukan raja merupakan Ketua Agama Islam juga diiktiraf dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan<sup>19</sup> di bawah 3 (2). Bagi peruntukan Perkara 3(3) memperuntukan bahawa bagi negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak, Kuala Lumpur, Wilayah-Wilayah Persekutuan, Labuan serta Putrajaya menjadikan Yang Di Pertuan Agong sebagai ketua Agama Islam. Selain itu juga, ada juga peruntukan Perlembagaan Persekutuan tentang kedudukan Majlis Raja-raja yang diiktiraf di bawah perkara 38 Perlembagaan Persekutuan menjadi satu lambang kedaulatan Agama Islam di Malaysia.

Selain itu, terdapat juga Kanun Keseksan (Akta 574) yang memperuntukan umum bagi kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan agama Islam sama ada merosakkan atau mencemarkan tempat ibadah sesuatu agama, pencerobohan kepada tempat pengebumian satu-satu agama atau menyebabkan perpecahan atau prasangka atau nama Agama dan sebagainya<sup>20</sup>.

## **b. Perundangan Islam**

Bagi Undang-undang Islam khususnya di negeri Melaka pula, yang melindungi agama Islam boleh dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu; perlindungan Agama di laksanakan di peringkat institusi tertentu dan juga perlindungan Agama Islam di peringkat diri sendiri yang beragama Islam.

Bagi kewujudan Undang-undang Islam berkaitan perlindungan Agama Islam di peringkat institusi telah memperuntukan akta-akta tentang pentadbiran masjid-masjid sebagai lambang Agama Islam<sup>21</sup>, penubuhan Jabatan Kehakiman Syariah dan Mahkamah Syariah<sup>22</sup>, peruntukan berkenaan dengan kedudukan dan peranan Jabatan Agama Islam dan Jabatan Mufti<sup>23</sup>, penubuhan dan peranan Jabatan Agama Islam Melaka<sup>24</sup> dan penubuhan jabatan-jabatan lain yang berkaitan dengan kepentingan Islam. Penubuhan-penubuhan ini adalah sebagai salah satu untuk menjaga kesucian Agama Islam di peringkat institusi yang

---

<sup>19</sup> Rujuk Perlembagaan Persekutuan- sehingga pindaan terkini 1260/2006.

<sup>20</sup> Rujuk Kanun Keseksan Bab XV, seksyen 295-298A.

<sup>21</sup> Enakmen Kesalahan Syariah (Melaka) 1991, S. 86.

<sup>22</sup> Enakmen Kesalahan Syariah (Melaka) 1991, S. 43-65

<sup>23</sup> Enakmen Kesalahan Syariah (Melaka) 1991, S. 32-42

<sup>24</sup> Enakmen Kesalahan Syariah (Melaka) 1991, S. 4-31



berwajib. Selain itu, peruntukan yang dikenakan bagi kawalan dan sekatan pengembangan agama bukan Islam kepada orang Islam<sup>25</sup>.

Manakala kewujudan undang-undang Islam menerusi perlindungan Agama Islam di peringkat individu pula dengan memastikan orang Islam bebas dalam mengamalkan ajaran Islam termasuklah penghayatan asas-asas dalam Islam seperti penghayatan Rukun Islam dalam solat, puasa, membayar zakat dan sebagainya. Selain itu juga memastikan setiap masyarakat Islam menghayati Rukun Iman seperti beriman kepada Allah Taala, beriman kepada Rasul-rasul dan lain-lain.

Oleh hal demikian, pelbagai peruntukan undang-undang wujud bagi mengawal aktiviti-aktiviti jenayah yang berkaitan dengan agama Islam seperti kesalahan berhubung dengan aqidah seperti jenayah pemujaan salah<sup>26</sup>, mengajar dengan ajaran yang sesat dan salah kepada seseorang atau di tempat awam mengajar atau menjalankan sesuatu istiadat atau sesuatu perbuatan yang bertentangan dengan Hukum Syarak<sup>27</sup>, kesalahan mempermainkan, mencela, mengejek-ejek dengan perkataan atau perbuatan atau menghina al-Quran atau al-Hadith Nabi atau perkataan yang berkaitan dengan Agama Islam<sup>28</sup>, perbuatan mengolok-olok, mengajuk atau mengejek-ejek akan Agama Islam, dengan perkataan atau perbuatan atau amalan atau upacara yang berkaitan dengan Agama Islam<sup>29</sup>.

Selain itu juga jenayah boleh berlaku bukan hanya menghina agama islam itu sendiri malah menghina mana-mana mazhab yang muktabar, pegawai-pegawai Agama, guru Agama, Imam yang dilantik secara sah serta menghina mana-mana fatwa yang telah dikeluarkan oleh pihak mufti atau majlis<sup>30</sup>.

Peruntukan-peruntukan kesalahan lain bagi melindungi agama seperti perbuatan cubaan, bersyubahat atau murtad adalah dengan sengaja, sama ada dengan perbuatan atau perkataan atau dengan cara apa jua pun, mengaku hendak keluar dari Agama Islam atau mengisytiharkan dirinya sebagai orang yang bukan Islam<sup>31</sup> boleh dikenakan tindakan undang-undang di Melaka.

Bagi kesalahan seperti yang melibatkan rukun Islam contohnya seperti tidak membayar zakat dan fitrah<sup>32</sup> atau kesalahan yang berkaitan ibadah puasa Ramadhan, Hari Raya Puasa serta hari Raya Haji<sup>33</sup> turut diperuntukan di bawah Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991. Berikut adalah jadual berkaitan dengan implikasi Maqasid Syariah (Menjaga Agama) yang ada di dalam peruntukan undang-undang Sivill dan Islam di Melaka seperti jadual 1.

---

<sup>25</sup> Enakmen 1 Tahun 1988, Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam (Melaka), 1988, S. 1- 15

<sup>26</sup> Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Melaka) 2002, S. 69.

<sup>27</sup> Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Melaka) 2002, S. 60.

<sup>28</sup> Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Melaka) 2002, S. 61.

<sup>29</sup> Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Melaka) 2002, S. 62.

<sup>30</sup> Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Melaka) 2002, S. 63.

<sup>31</sup> Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Melaka) 2002, S. 66-67.

<sup>32</sup> Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Melaka) 2002, S. 82.

<sup>33</sup> Enakmen Kesalahan Syariah (Melaka) 1991, S. 86

**Jadual 1:** Elemen Pelindungan Agama Islam Ada Di Antara Kedua-Dua Perundangan

<b>Bil</b>	<b>Undang-Undang Sivil</b>	<b>Bil</b>	<b>Undang-undang Islam di Melaka</b>
1	Peruntukan Islam merupakan agama rasmi Persekutuan (Perkara 3 (1))	1	Memperuntukan akta penubuhan Istitusi Islam tentang pentadbiran masjid-masjid sebagai lambang Agama Islam, penubuhan Jabatan Kehakiman Syariah dan Mahkamah Syariah, peruntukan berkenaan dengan kedudukan dan peranan Jabatan Agama Islam dan Jabatan Mufti, penubuhan dan peranan Jabatan Agama Islam Melaka dan penubuhan jabatan-jabatan lain yang berkaitan dengan kepentingan Islam
2	Memperuntukan umum bagi kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan agama Islam sama ada merosakkan atau mencemarkan tempat ibadah sesuatu agama, pencerobohan kepada tempat pengubumian satu-satu agama atau menyebabkan perpecahan atau prasangka atau nama Agama dan sebagainya – Kanun Keseksaan (Akta 574)	2	Peruntukan-peruntukan kesalahan lain bagi melindungi agama seperti perbuatan cubaan, bersyubahat atau murtad adalah dengan sengaja, sama ada dengan perbuatan atau perkataan atau dengan cara apa jua pun, mengaku hendak keluar dari Agama Islam atau mengisytiharkan dirinya sebagai orang yang bukan Islam boleh dikenakan tindakan undang-undang di Melaka. Bagi kesalahan seperti yang melibatkan rukun Islam contohnya seperti tidak membayar zakat dan fitrah atau kesalahan yang berkaitan ibadah puasa Ramadhan, Hari Raya Puasa serta hari Raya Haji turut diperuntukan di bawah Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991.

## ii. Perlindungan Nyawa

Terdapat Undang-undang Sivil dan Islam yang memperuntukan untuk melindungi dan memelihara nyawa rakyat.

### a. Perundangan Sivil

Nyawa merupakan perkara yang asas dalam syara' untuk melindunginya. Bagi tujuan penjagaan nyawa ini, boleh dikatakan sebagai kesemua peruntukan syeksen undang-undang di Malaysia di bawah perundangan Sivil yang digubal oleh parlimen terpakai kepada semua rakyat Malaysia sama ada beragama Islam atau tidak. Perundangan yang mengenakan pelbagai peruntukan tentang aspek-aspek yang berkaitan dengan perlindungan nyawa adalah terletak di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574). Selain itu, Kanun Keseksaan lain yang diperuntukkan kepada kesalahan-kesalahan antaranya cubaan membunuh, pembunuhan, menyebabkan kematian, membuang anak, membunuh anak dan sebagainya, perlumbaan haram di jalan raya, larangan penyalahgunaan bahan-bahan yang membahayakan nyawa dan lain-lain<sup>34</sup>. Di samping itu, terdapat peruntukan-peruntukan pentadbiran berkaitan dengan Mahkamah Sivil serta juga terdapat Akta Polis dan Akta Tentera yang membolehkan jaminan perlindungan terhadap nyawa dan diri masyarakat dari anasir-anasir yang boleh mengganggu gugat nyawa dan diri orang Islam.

### b. Perundangan Islam

Bagi peruntukan dan bidang kuasa di bawah undang-undang Islam yang berkaitan dengan perlindungan nyawa, tiada akta yang khusus diperuntukan di bawah mana-mana perundangan Islam di negeri Melaka. Walaupun begitu, terdapat juga peruntukan dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam negeri Melaka<sup>35</sup> yang memberi kuasa kepada pihak Mahkamah Syariah negeri untuk memerintahkan suami untuk memberi nafkah kepada isterinya atau bapa memberi nafkah kepada tanggungannya<sup>36</sup>. Berikut adalah jadual berkaitan dengan implikasi Maqasid Syariah (Menjaga Nyawa) yang ada di dalam peruntukan undang-undang Sivil dan Islam di Melaka seperti jadual 2.

**Jadual 2:** Elemen Pelindungan Nyawa Ada Di Antara Kedua-Dua Perundangan

Bil	Undang-Undang Sivil	Bil	Undang-undang Islam di Melaka
1	Peruntukan tentang aspek-aspek yang berkaitan dengan pelindungan nyawa adalah	1	Peruntukan berkitan memerintahkan suami untuk memberi nafkah kepada isterinya

<sup>34</sup> Kanun Keseksaan, Bab XVI seksyen 299-309B.

<sup>35</sup> Enakmen 12 (2002), Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002

<sup>36</sup> Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Melaka) 2002, S. 60-81

---

terletak di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574)	atau bapa memberi nafkah kepada tanggungannya.
2 Kanun Keseksaan lain yang diperuntukkan kepada kesalahan-kesalahan antaranya cubaan membunuh, pembunuhan, menyebabkan kematian, membuang anak, membunuh anak dan sebagainya, perlumbaan haram di jalan raya, larangan penyalahgunaan bahan-bahan yang membahayakan nyawa dan lain-lain	
3 Peruntukan-peruntukan pentadbiran berkaitan Akta Polis dan Akta Tentera yang membolehkan jaminan perlindungan terhadap nyawa dan diri masyarakat dari anasir-anasir yang boleh mengganggu gugat nyawa dan diri orang Islam.	

---

### iii. Perlindungan Keturunan

Terdapat Undang-undang Sivil dan Islam yang memperuntukkan untuk melindungi dan memelihara maruah dan keturunan.

#### a. Perundangan Sivil

Bagi peruntukan yang ada dalam Undang-undang Sivil berkaitan dengan perlindungan keturunan, antaranya melibatkan kesalahan rogol dan seks luar tabi'<sup>37</sup> yang terkandung dalam Kanun Keseksaan. Kesalahan-kesalahan ini di peruntukan oleh persekutuan bukan hanya menjamin kemaslahatan orang Islam sahaja malahan juga menjaga kemaslahatan penganut yang bukan Islam.

#### b. Perundangan Islam

Bagi peruntukan-peruntukan Undang-undang Syariah di bawah negeri yang berkaitan dalam perlindungan keturunan, peruntukan berkaitan dengan perkahwinan sama ada pendaftaran perkahwinan<sup>38</sup>, pembubaran, *hadhanah*<sup>39</sup> dan kesaharaan anak-anak<sup>40</sup>. Peruntukan perkara-perkara tersebut di bawah Enakmen

---

<sup>37</sup> Kanun Keseksaan, Seksyen 377B, Seksyen 392/397 dan Seksyen 376(2)(b)

<sup>38</sup> Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Melaka) 2002, S. 7-34

<sup>39</sup> Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Melaka) 2002, S. 82-88

<sup>40</sup> Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Melaka) 2002, S. 111-120

12 Tahun 2002, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002.

Manakala peruntukkan lain yang berkaitan perlindungan keturunan seperti jenayah perbuatan percubaan persetubuhan haram<sup>41</sup>, bersekediaman<sup>42</sup>, hamil di luar nikah<sup>43</sup>, bersubahat melakukan kesalahan persetubuhan haram<sup>44</sup>, kesalahan liwat<sup>45</sup> atau percubaan liwat<sup>46</sup>. Selain itu juga, kesalahan-kesalahan seperti jenayah perhubungan sejenis luar tabi'i<sup>47</sup> dan *musahaqah*<sup>48</sup> turut di peruntukan di dalam Enakmen Kesalahan Syariah (Melaka) 1991. Kesalahan-kesalahan yang berkaitan pelacuran seperti melacur anak dan isteri<sup>49</sup>, melacur diri<sup>50</sup> dan menjual anak<sup>51</sup> turut disebut dalam Enakmen ini. Perkara-perkara yang telah diperuntukan ini menunjukkan perundangan yang sedia ada telah menjamin hak perlindungan sesebuah keturunan itu sendiri. Berikut adalah jadual berkaitan dengan implikasi Maqasid Syariah (Menjaga Keturunan) yang ada di dalam peruntukan undang-undang Sivil dan Islam di Melaka seperti di jadual 3.

**Jadual 3:** Elemen Pelindungan Keturunan Ada Di Antara Kedua-Dua Perundangan

Bil	Undang-Undang Sivil	Bil	Undang-undang Islam di Melaka
1	Peruntukan perlindungan keturunan, antaranya melibatkan kesalahan rogol dan seks luar tabi'i	1	Peruntukan perlindungan keturunan, peruntukan berkaitan dengan perkahwinan sama ada pendaftaran perkahwinan, pembubaran, <i>hadhanah</i> dan kesihatan anak-anak. Peruntukan perkara-perkara tersebut di bawah Enakmen 12 Tahun 2002, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002.
		2	Peruntukan kesalahan jenayah perbuatan percubaan persetubuhan haram, bersekediaman, hamil di luar nikah, bersubahat melakukan kesalahan persetubuhan haram,

<sup>41</sup> Enakmen Kesalahan Syariah (Melaka) 1991, S. 52

<sup>42</sup> Enakmen Kesalahan Syariah (Melaka) 1991, S. 53

<sup>43</sup> Enakmen Kesalahan Syariah (Melaka) 1991, S. 54

<sup>44</sup> Enakmen Kesalahan Syariah (Melaka) 1991, S. 55

<sup>45</sup> Enakmen Kesalahan Syariah (Melaka) 1991, S. 56

<sup>46</sup> Enakmen Kesalahan Syariah (Melaka) 1991, S. 57

<sup>47</sup> Enakmen Kesalahan Syariah (Melaka) 1991, S. 58

<sup>48</sup> Enakmen Kesalahan Syariah (Melaka) 1991, S. 59

<sup>49</sup> Enakmen Kesalahan Syariah (Melaka) 1991, S. 73

<sup>50</sup> Enakmen Kesalahan Syariah (Melaka) 1991, S. 74

<sup>51</sup> Enakmen Kesalahan Syariah (Melaka) 1991, S. 75

- kesalahan liwat atau percubaan liwat
- 3 Peruntukan kesalahan jenayah perhubungan sejenis luar tabi'i dan *musahaqah* turut di peruntukan di dalam Enakmen Kesalahan Syariah (Melaka) 1991.
  - 4 Kesalahan-kesalahan yang berkaitan pelacuran seperti melacur anak dan isteri, melacur diri dan menjual anak
- 

#### iv. Perlindungan Akal

Terdapat Undang-undang Sivil dan Islam yang memperuntukan bagi melindungi dan memelihara akal manusia

##### a. Perundangan Sivil

Pemeliharaan akal sangat penting dalam menentukan sesuatu keputusan tindakan sebagai seorang mukallaf. Meskipun begitu, melalui Undang-undang Sivil secara umumnya adalah dengan memperuntukan kewajipan pendidikan kepada semua rakyat bermula di peringkat pra persekolah sehingga peringkat menengah dan Institusi Pengajian Tinggi<sup>52</sup>. Begitu juga dengan dasar-dasar negara yang berkaitan dengan pendidikan seperti yang telah dilaksanakan Dasar Pendidikan Kebangsaan dengan pernyataan dan strategi dasar sedia ada telah dimantapkan semula dan penggubalan dasar baru adalah untuk memastikan pencapaian hasrat transformasi pendidikan negara yang telah digarap berdasarkan Laporan Razak (1956) dan Penyata Mahathir (1979) di samping menterjemahkan hasrat pendidikan negara yang dinyatakan melalui Wawasan 2020, Rancangan Malaysia Lima Tahun dan Pelan Transformasi Negara (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Selain itu juga, terdapat peruntukan yang menjaga akal selain sektor pendidikan termasuklah memperuntukan akta-akta kesalahan jenayah yang berkaitan pengambilan dan penyeludupan dadah serta dasar-dasar yang berkaitan dengannya di bawah Akta Dadah Berbahaya<sup>53</sup>.

##### b. Perundangan Islam

Pemerliiharaan akal melalui perundangan Islam antara dengan memperuntukan undang-undang berkaitan pembagungan intelektual pendidikan Islam. Pembangungan, pengawalan serta penyeliaan pada Pusat Pendidikan Islam di

---

<sup>52</sup> Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

<sup>53</sup> Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234)

peringkat negeri tertumpu kepada Masjid-masjid, Surau-surau<sup>54</sup>, penfatwaan<sup>55</sup> dan Sekolah-sekolah Agama<sup>56</sup> yang dikelola penuh oleh Majlis Agama Islam Negeri iaitu Majlis Agama Islam Melaka (MAIM).

Selain itu juga, pemeliharaan akal seperti memperuntukan tentang kesalahan-kesalahan yang melibatkan minum arak<sup>57</sup> sama ada minum arak atau sebarang minuman yang memabukkan atau membuat, menjual, menghadiah, mempamerkan untuk jualan, menyimpan atau membeli apa-apa arak atau minuman yang memabukkan adalah merupakan suatu kesalahan Syariah. Di samping itu kesalahan berkaitan berjudi<sup>58</sup> atau didapati menghadiri tempat-tempat judi<sup>59</sup> sama ada berjudi atau tidak tetapi dikenakan tindakan jenayah. Berikut adalah jadual berkaitan dengan implikasi Maqasid Syariah (Menjaga Akal) yang ada di dalam peruntukan undang-undang Sivil dan Islam di Melaka seperti di jadual 4.

**Jadual 4:** Elemen Pelindungan Akal Ada Di Antara Kedua-Dua Perundangan

Bil	Undang-Undang Sivil	Bil	Undang-undang Islam di Melaka
1	Mempruntukan akta-akta penubuhan sekolah dan institusi pengajian sejak peringkat awal	1	Memperuntukan undang-undang berkaitan pembagungan intelektual pendidikan Islam
2	Memperuntukan akta-akta kesalahan jenayah yang berkaitan pengambilan dan penyeludupan dadah serta dasar-dasar yang berkaitan dengannya di bawah Akta Dadah Berbahaya	2	Pembangunan, pengawalan serta penyeliaan pada Pusat Pendidikan Islam di peringkat negeri tertumpu kepada Masjid-masjid, Surau-surau, penfatwaan dan Sekolah-sekolah Agama yang dikelola penuh oleh Majlis Agama Islam Negeri seperti Majlis Agama Islam Melaka (MAIM).
		3	Memperuntukan tentang kesalahan-kesalahan yang melibatkan minum arak sama ada minum arak atau sebarang minuman yang memabukkan

<sup>54</sup> Enakmen 5 Tahun 1991, Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991, Bahagian IV, S 53-62

<sup>55</sup> Enakmen 7 Tahun 2002, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, Bahagian III, S 32-42.

<sup>56</sup> Enakmen 3 Tahun 2002, Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam (Melaka) 2002

<sup>57</sup> Enakmen 6 Tahun 1991, Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991, Bahagian IV, S 50

<sup>58</sup> Enakmen 6 Tahun 1991, Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991

<sup>59</sup> "Tempat berjudi" ertinya mana-mana premis sama ada terbuka ataupun tertutup dan termasuklah bilik, pejabat atau gerai sama ada orang awam atau ahli-ahli tertentu yang mempunyai hak untuk memasukinya, mengguna atau menyimpan untuk permainan mana-mana permainan berbentuk nasib atau percampuran antara nasib dan kemahiran sama ada secara sah atau sebaliknya untuk wang atau faedah kewangan, tetapi tidak termasuk loteri persendirian dan loteri yang dianjurkan oleh Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat di bawah Social dan Welfare Service Lotteries Board Act 1950 and 1962.

- atau membuat, menjual, menghadiah, mempamerkan untuk jualan, menyimpan atau membeli apa-apa arak atau minuman yang memabukkan adalah merupakan suatu kesalahan Syariah.
- 4 Peruntukan kesalahan berkaitan berjudi atau didapati menghadiri tempat-tempat judi sama ada berjudi atau tidak tetapi dikenakan tindakan jenayah.
- 

## **v. Perlindungan Harta**

Terdapat Undang-undang Sivil dan Islam yang memperuntukan bagi melindungi dan memelihara harta manusia.

### **a. Perundangan Sivil**

Bagi perundangan Sivil oleh pihak kerajaan Persekutuan yang berkaitan dengan pemeliharaan harta, terdapat juga peruntukan undang-undang yang melibatkan urusan jual beli pada Akta Kontrak 1950<sup>60</sup>. Urusan Akta Syarikat 2016 (menggantikan Act 1965) dan Undang-undang menguruskan kegiatan sewa beli di bawah Akta Sewa Beli 1967<sup>61</sup>, peruntukan undang-undang berkaitan dengan urusniaga tanah, perbankan dan sebagainya.

Selain daripada peruntukan-peruntuakn berkaitan urus niaga harta yang terpakai kepada semua golongan, terdapat juga peruntukan undang-undang yang dikaitkan dengan perlindungan harta seperti peruntukan Akta kesalahan mencuri<sup>62</sup>, menceroboh, rasuah<sup>63</sup> dan sebagainya. Peruntukan-peruntukan ini adalah menjamin kemaslahatan harta supaya terus dijaga dengan baik.

### **b. Perundangan Islam**

Bagi menjaga masalah harta, Undang-undang Islam di Melaka telah memperuntukan perkara-perkara berkaitan pembayaran agihan zakat<sup>64</sup>, pembahagian harga pusaka dibawah faraid<sup>65</sup>, hibah, Perbankan Islam, wakaf<sup>66</sup>, serta lain-lain yang telah diperuntukan dalam pentadbiran Agama Islam Negeri

---

<sup>60</sup> Akta Kontrak 1950 (Akta 136)

<sup>61</sup> Akta Syarikat 2016 (Akta 212)

<sup>62</sup> Kanun Keseksaan, Syeksen 379, 379A (1), 380.381 dan 382.

<sup>63</sup> Akta Suruhanjaya (Akta 694), Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

<sup>64</sup> Enakmen 7 Tahun 2002, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, Bahagian VI Syeksen 74-76.

<sup>65</sup> Enakmen 4 Tahun 2005, Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005

<sup>66</sup> Enakmen 7 Tahun 2002, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, Bahagian VI Syeksen 77-83.



Melaka. Selain itu bagi menjaga kemaslahatan harta di peringkat perundangan Islam, peruntukan lain seperti Undang-undang hak yang berkaitan dengan harta sepencarian<sup>67</sup>, mut'ah atau saguhati<sup>68</sup>, hak mas kawin<sup>69</sup>, hak nafkah isteri dan anak-anak<sup>70</sup> di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002. Berikut adalah jadual berkaitan dengan implikasi Maqasid Syariah (Menjaga Harta) yang ada di dalam peruntukan undang-undang Sivil dan Islam di Melaka seperti di jadual 5 :

**Jadual 5:** Elemen Pelindungan Harta Ada Di Antara Kedua-Dua Perundangan

Bil	Undang-Undang Sivil	Bil	Undang-undang Islam di Melaka
1	Urusan Akta Syarikat 2016 (menggantikan Act 1965) dan Undang-undang menguruskan kegiatan sewa beli di bawah Akta Sewa Beli 1967 <sup>71</sup> , peruntukan undang-undang berkaitan dengan urusan niaga tanah, perbankan dan sebagainya.	1	Memperuntukan pembayaran agihan zakat
2	Peruntukan urusan jual beli pada Akta Kontrak 1950.	2	Memperuntukan pembahagian harta pusaka
3	Peruntukan undang-undang yang dikaitkan dengan perlindungan harta seperti peruntukan Akta kesalahan mencuri <sup>72</sup> , mencero boh, rasuah <sup>73</sup> dan sebagainya.	3	Memperuntukan Hibah, Perbankan Islam, Wakaf
		4	Memperuntukan Harta sepencarian, Mut'ah, wang saguhati
		5	Memperuntukan Hak maskahwin
		6	Memperuntukan Hak nafkah isteri dan anak-anak

<sup>67</sup> Enakmen 12 Tahun 2002, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002, Bahagian VIII S. 122.

<sup>68</sup> Enakmen 12 Tahun 2002, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002, Bahagian V S. 60-58

<sup>69</sup> Enakmen 12 Tahun 2002, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002, Bahagian V S. 60-59

<sup>70</sup> Enakmen 12 Tahun 2002, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002, Bahagian VI S. 60-81

<sup>71</sup> Akta Syarikat 2016 (Akta 212)

<sup>72</sup> Kanun Keseksaan, Syeksen 379, 379A (1), 380.381 dan 382.

<sup>73</sup> Akta Suruhanjaya (Akta 694), Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

## **PENUTUP**

Kesimpulannya Negeri Melaka merupakan negeri yang telah mengamalkan dasar perundangan Islam sejak zaman kesultanan Melayu Melaka. Sebahagian daripada pengamalan dasar tersebut diteruskan sehingga kini sekaligus menjadikan Melaka sebahagian daripada negeri-negeri di Malaysia yang mengamalkan corak pemerintahan dualisme iaitu undang-undang sivil dan Islam. Walaupun perundangan tersebut tidak sepenuhnya menggunakan perkataan hudud, takzir atau qisas secara rasmi tetapi masih terdapat elemen-elemen yang berpaksikan Maqasid Syariah dalam dasar perundangan tersebut.

Walaubagaimanapun, diharapkan sebagai sebuah negeri yang menjadi titik tolak kepada perkembangan dan penyebaran Islam di Tanah Melayu, Melaka perlu menambahbaik dasar-dasar perundangan Islam yang digunakan kerana hukum-hukum yang disyariatkan oleh Allah kepada hamba-hamba-Nya sama ada hukum ibadat, mua'malat mahupun perundangan bertujuan untuk menjamin kesejahteraan manusia di dalam kehidupannya di dunia dan di akhirat dengan menekankan aspek menjaga dan memelihara kepada daruri keutamaan elemen sama ada menjaga agama, menjaga diri, menjaga, akal, menjaga keturunan dan menjaga harta.

## **RUJUKAN**

- Abdul Monir Yaacob (2016), *Perkembangan Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*, Universiti Islam Malaysia, Selangor, Cetakan pertama.
- Abdul Karim Zaidan (2002), *al-Madhal li Dirashah al-Syar'iyah al-Islamiyyah*, cet ke-16, Beirut, Lubnan, Muasasah al-Risalah. ms 34.
- Al-Kailany, Abd al-Rahman Ibrahim (2000), *Qawaid al-Maqasid 'ind Imam al-Syatibi 'irda wa Dirasah wa Tahlila*. Urdun : al-Ma'had al-Alami lil Fikri al-Islami.
- Al-Badawi, Yusuf Ahmad Muhammad, *Maqasid al-Syariah 'ind Ibn Taymiyyah*, Urdun: Dar al-Nafais, 2000.
- Al-Raysuni, Ahmad (2013), *Nazariyyah al-Maqasid 'ind al-Imam al-Shatibi*, Cetakan ke-2, Misr: Dar al-Kalimah lil Nashr wa al-Tawzi'
- Al-Syatibi, Abu Ishaq, *al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah*. Jld ke-2, Bairut : Dar Ihya' al-Turath al-Arabi, 2001.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad (t.t), *al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*, Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-Arabi, t.t, jld 1, ms 217.
- Ahmad Ibrahim (1991), *Pindaan Kepada Perkara 121 Perlembagaan persekutuan dan kesannya kepada Pentadbiran Undang-undang Islam*.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Mek Wok Mahmud, Akhtarzaite Abdul Aziz (2017), *Maqasid al-Shariah*, IIUM Press, International Islamic Universiti Malaysia, Kuala Lumpur, Cetakan kedua.
- Wu Min Aun (1982), *Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Malaysia*, Heinemann Education Books (Asia), Kuala Lumpur, ms 23-5.
- Zaini Nasohah (2018), *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*, Jabatan SYariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Kuala Lumpur, Ed. Ke 2.

Zaleha Kamarudin, Ainul Jaria Maidin, Sahari Nordin, Azizah Mohd, Badrudin Ibrahim, Roosfa Hashim (2019), Indeks Syariah Malaysia Aspek Perundangan, IIUM Press, Kuala Lumpur, Cetakan Pertama.  
<https://www.mahsyariahmelaka.gov.my/index.php/ms/dasar-undang-undang/enakmen/428-enactment>.